

**Anggota BN Melaka Perlu Aktif Dekati Dan Selesaikan Masalah Rakyat - Ali Rustam Bernama**  
**16 September, 2012**

MELAKA, 16 Sept (Bernama) -- Ketua Menteri Melaka dan Pengerusi Barisan Nasional (BN) negeri Datuk Seri Mohd Ali Rustam berkata jentera setiap parti komponen BN perlu aktif mendekati rakyat dan pengundi baharu serta membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi mereka.

Beliau berkata pendekatan itu diyakini mampu meningkatkan sokongan rakyat kepada BN.

Mohd Ali turut mengingatkan anggota BN agar berhati-hati dan tidak memandang ringan parti pembangkang yang kini dilihat 'kemaruk kuasa'.

Pembangkang sanggup melakukan apa sahaja untuk menggugat kedudukan BN pada pilihan raya umum ke-13 (pru-13) akan datang termasuk melakukan perkara di luar dugaan, katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Bukit Katil di sini.

Ketua Menteri bagaimanapun yakin BN Melaka mampu mempertahankan serta merampas beberapa kerusi pembangkang di negeri itu pada PRU-13.

Beliau berkata kerajaan BN telah menunaikan pelbagai janji kepada rakyat sepanjang pentadbiran termasuk membasmi kemiskinan, meningkatkan taraf pendidikan, ekonomi dan perpaduan pelbagai kaum di negara ini.

Di KUALA LUMPUR, Naib Presiden Umno Datuk Seri Mohd Shafie Apdal berkata BN di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak telah membawa pelbagai kemudahan dan perkhidmatan kepada rakyat di seluruh negara.

"Rakyat perlu terus menyokong BN kerana saya yakin dengan BN, negara ini akan terus membangun, katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Lembah Pantai.

Berbanding dengan parti lawan yang menurutnya hanya sibuk menganjurkan demonstrasi, Mohd Shafie berkata Najib telah membawa transformasi untuk kebaikan negara dan rakyat.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=695054>